

PPR siap perlu diisi dalam enam bulan

BH ONLINE | Ahad, 24 November 2019 | 5:58pm



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin merasmikan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kepada Penyewa PPR Taman Sri Bukit Tawau, hari ini. - Foto BERNAMA

TAWAU: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menetapkan setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang siap dibina perlu diisi dalam tempoh enam bulan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata pihaknya amat prihatin dengan tempoh pengisian yang agak lama sebelum ini sehingga boleh mengakibatkan kerosakan harta benda kerana tidak dihuni.

"Selepas ini, dalam masa enam bulan setiap PPR yang sudah siap mesti diisi selain proses pemilihan penerima surat tawaran kena dibuat lebih awal.

"Pada masa sama, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga kini lebih teliti dalam memastikan bahawa hanya individu yang benar-benar layak akan ditawarkan memiliki unit rumah PPR ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kepada Penyewa PPR Taman Sri Bukit Tawau, di sini, hari ini.

Zuraida turut memaklumkan berkata dua lagi projek PPR di Sabah akan dibina iaitu di Sandakan dan Melalap, Tenom yang dijangka bermula tahun depan.

Beliau turut menggalakkan pemaju swasta supaya membina lebih banyak projek perumahan mampu milik khususnya untuk golongan B40.

Sementara itu, Presiden Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Datuk Ir Amrullah Kamal, berkata pihaknya menerima 14,187 permohonan bagi menduduki lima projek PPR di daerah ini.

Setakat ini, seramai 3,342 pemohon sudah ditawarkan unit PPR, manakala yang lain masih dalam senarai menunggu.

"Terima kasih kepada KPKT kerana menyalurkan peruntukan pembinaan rumah PPR sehingga dapat memenuhi keperluan perumahan oleh rakyat berpendapatan rendah di daerah Tawau," katanya.